

Pembaca Kosmo! kini boleh berkongsi foto-foto aktiviti menarik untuk disiarkan dalam ruangan ini.

Sila e-mel foto aktiviti bersama keterangan gambar yang disertakan dengan nama dan nombor telefon anda. E-melkan kepada [komunitikosmo@mediamulia.com.my](mailto:komunitikosmo@mediamulia.com.my)



MEOR REZAL (duduk di tengah) bersama sebahagian daripada kakitangan Digital Perak selepas majlis memeterai kerjasama dengan KiplePay di Ipoh baru-baru ini.

## Digital Perak jalin kerjasama dengan KiplePay sedia kemudahan tanpa tunai

**TRANSAKSI.** Bagi menyediakan kemudahan bayaran tanpa tunai, satu kerjasama strategik dalam solusi gerbang bayaran antara Digital Perak Corporation

Holdings (Digital Perak) dan KiplePay Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Green Packet Berhad telah dimeterai pada satu majlis di sebuah hotel di Ipoh, Perak baru-baru ini.

Kerjasama itu bagi membolehkan servis yang disediakan Digital Perak seperti kursus latihan, pelbagai perkhidmatan pihak berkuasa tempatan melalui portal Perak

Digital dan jualan e-dagang dapat dibayar secara mudah. Ketua Pegawai Eksekutif Digital Perak, Meor Rezal Fitri Meor Redwan berkata, inisiatif itu dapat membantu

memulihkan semula sektor perniagaan khususnya dalam kalangan usahawan kecil dengan teknologi digital bagi mematuhi pelaksanaan dalam norma baharu.